



Headline: Jangan terpedaya Macau Scam  
Publication/Portal: Utusan Malaysia  
Date: 14 November 2018

Language: Malay  
Section: Forum  
Page: 21

## Jangan terpedaya *Macau Scam*

### **SAUDARA PENGARANG,**

**APA** itu *Macau Scam*?

Kenapa ramai yang mudah sangat terpedaya? Cuba fikir, adakah kita berhutang dengan bank dan mempunyai tunggakan yang belum dijelaskan? Kalau ada, tentu pihak bank akan menghantar surat notis berkenaan hal tersebut.

Kenapa panggilan telefon pula menjadi medium untuk memaklumkan kita terpalit kes rasuah, kes mahkamah dan bermacam-macam lagi? Kalau seseorang itu tiada hal-hal begini, kenapa perlu percaya?

Saya sendiri pernah

mendapat panggilan telefon *Macau Scam* yang mengatakan saya ada kes rasuah, kes mahkamah, tunggakan pinjaman bank dan bermacam-macam dakwaan tidak masuk akal.

Apa pun, cakap-cakap mereka melalui telefon ini langsung saya tiada percaya malah saya 'hentam' kembali dengan bermacam-macam kata 'nasihat'.

Sudahnya, mereka sendiri yang putuskan panggilan itu. Kita yang benar, kenapa perlu takut? Marilah bangkit melawan gejala panggilan *Macau Scam* ini.

**S.LIN**

Bidor, Perak